

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- 1. JAWATAN : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (GRED N19)**
- TARAF JAWATAN : **TETAP**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- SKIM PERKHIDMATAN : Pembantu Setiausaha Pejabat
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : Pelaksana
- PENEMPATAN : Ibu Pejabat, Tourism Malaysia

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)

- d) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai **Diploma Sains Kesetiausahaan** daripada politeknik tempatan atau **Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- (a) Memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail;
- (b) Memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur; dan
- (c) Mempunyai pengetahuan dalam pengendalian dan perisian komputer seperti Microsoft Word, Microsoft Excel dan Microsoft Powerpoint dengan baik.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) Permohonan adalah **secara dalam talian** melalui **HR System Management**. Berikut adalah panduan bagi memohon :
 - i. Log in dipautan;
<https://hr.tourism.gov.my/apps/recruitment/registration>
 - ii. Daftar pengguna > tetapkan kata laluan > aktifkan akaun (semak e-mel untuk link pengaktifan akaun) > pilih menu *Public Login*

- iii. Log masuk > pilih menu *Resume* > lengkapkan *Resume* > memuat naik dokumen-dokumen berdasarkan senarai semak yang dikemukakan
 - iv. Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- (b) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan **gambar berukuran pasport terkini. Selain dari gambar pasport tidak dibenarkan.**
 - (c) Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan jabatan / agensi Kerajaan perlu menghantar permohonan melalui ketua jabatan masing-masing mengikut Perintah Am, Bab 'A' serta mengemukakan salinan terkini Rekod Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tempoh tiga (3) tahun.
 - (d) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta / Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/>**
 - (e) Tarikh tutup permohonan ialah pada **29 Ogos 2023 (Selasa).**

6. CATATAN AM

- (a) Calon yang berjaya melepasi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi melalui surat** untuk panggilan sesi temu duga.
- (c) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai berikut:
 - (i) Puan Adibah Mohd Basri - 03-8891 8962
 - (ii) Cik Siti Salwah Othman - 03-8891 8908
 - (iii) Puan Nor'Azila Roselan - 03-8891 8963

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut (**diakui sah benar oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional**) mengikut susunan:

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan <i>(Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA")</i>		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
6	Salinan STPM/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil Khas/Diploma dan Transkrip Akhir/ Ijazah dan Transkrip Akhir <i>(mana yang berkenaan)</i>		
7	Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Sijil Khas/ Diploma/Ijazah yang diberikan oleh badan pendidikan swasta <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
** 8	a) Surat Perakuan Ketua Jabatan b) Salinan Rekod Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini c) Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) terkini		Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat
9	Gambar Pasport terkini di Borang Permohonan		
10	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		
11	Sijil Digital Vaksinasi Covid-19		

ARAHAN:

- a) **Ke semua dokumen di atas hendaklah dikemukakan semasa permohonan dibuat.**
- b) **** Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 18, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012**

Dikemaskini pada 14 Ogos 2023